



SIARAN AKHBAR

PENANAMAN SEMULA TANAMAN JAGUNG DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan ingin merujuk kepada siaran akhbar yang telah dikeluarkan pada bulan Mei yang lalu mengenai dengan Serangan Ulat Ratus *Fall* / *Fall Armyworm* (FAW) pada tanaman jagung di Negara Brunei Darussalam.

Pada 17 Ramadhan 1441 bersamaan dengan 07 Mei 2020, Kementerian ini, melalui Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, telah mengambil langkah pengawalan drastik untuk memutuskan kitaran hayat dan mengurangkan pembiakan Ulat Ratus *Fall* (nama saintifik *Spodoptera frugiperda*), iaitu dengan mengeluarkan perintah bertulis kepada semua peladang-peladang Jagung di negara ini bagi penghapusan atau pemusnahan tanaman jagung di ladang-ladang mereka selaras dengan peruntukan di bawah bab 13(11) Binatang-Binatang Musuh Pertanian dan Tumbuhan-Tumbuhan Yang Merosakkan, Penggal 43.

Hasil dari pemantauan oleh pihak Jabatan Pertanian dan Agrimakanan selepas tempoh pemusnahan tersebut telah mendapati bahawa tidak ada Ulat Ratus *Fall* pada kawasan bekas-bekas penanaman tanaman jagung dan termasuklah tidak ada tanda-tanda serangan pada tanaman-tanaman yang ada di sekeliling kawasan berkenaan yang berkemungkinan menjadi hos alternatif / perumah sementara kepada ulat berkenaan.

Sehubungan dengan itu, Kementerian ini, melalui Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, sukacita ingin mengumumkan bahawa **larangan terhadap penanaman jagung di negara ini adalah dengan ini DITAMATKAN mulai daripada 24 Zulhijjah 1441 bersamaan dengan 15 Ogos 2020.** Penamatan larangan ini adalah selepas jangka masa 3 bulan yang telah ditetapkan untuk memutuskan kitaran hayat Ulat Ratus *Fall* secara keseluruhan. Oleh itu, para peladang dan orang

ramai adalah dengan ini dibenarkan dan dialu-alukan untuk melakukan penanaman semula bagi tanaman Jagung selepas penamatan larangan pada tarikh yang tersebut di atas.

Pihak Kementerian juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih atas kerjasama padu dan kesefahaman para peladang dan orang ramai di negara ini dalam sama-sama memusnahkan tanaman jagung masing-masing bagi usaha menghapuskan populasi Ulat Ratus *Fall* dan melindungi Industri Pertanian serta mengukuhkan sekuriti makanan negara.

/TAMAT.

Dikeluarkan oleh:

Unit Perlindungan Tanaman

Jabatan Pertanian dan Agrimakanan

Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

Tarikh: 13 Zulhijjah 1441 /03 Ogos 2020